

**PILIHAN RAYA DAN IDENTIFIKASI PARTI MASYARAKAT PULAU PINANG
: KAJIAN KES BAYAN BARU**

Oleh

AHMAD BIN ALI

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Politik**

FEBRUARI 2015

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**PILIHAN RAYA DAN IDENTIFIKASI PARTI MASYARAKAT PULAU PINANG
: KAJIAN KES BAYAN BARU**

AHMAD BIN ALI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2015

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keiznannya akhirnya dapat juga saya menyiapkan tesis ini setelah bertungkus lumus selama empat tahun. Tesis ini juga tidak mungkin dapat disempurnakan tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada beberapa individu di Universiti Sains Malaysia.

Pertama sekali, setinggi penghargaan saya ucapkan kepada penyelia saya yang pertama, Profesor Madya Dr. K. Ramanathan kerana telah memberikan asas dan bimbingan serta galakan yang amat bermakna bagi saya untuk memulakan tesis ini. Kepada guru saya selama hampir 7 tahun ini (termasuk di peringkat Sarjana) saya ucapkan ribuan terima kasih serta selamat bersara semoga anda sihat sejahtera dan bahagia selalu.

Seterusnya, kepada Penyelia saya yang kedua dan penyelia utama saya sekarang, Dr. Wan Asna binti Wan Mohd Nor, jutaan terima kasih saya ucapkan di atas kesudian menyambung tugas penyelia saya yang pertama dalam memberikan tunjuk ajar dan teguran yang amat berguna. Moga-moga Dr. terus maju jaya dalam kehidupan.

Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Dekan serta Pengerusi Rancangan Sains Politik, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM yang telah memberi galakan dan bimbingan serta menyediakan keperluan asas yang secukupnya bagi saya menyempurnakan tesis ini.

Tidak lupa juga kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS), USM yang telah menyediakan kemudahan serta latihan bermakna bagi saya sepanjang menjalankan kajian saya. Penghargaan khas kepada Dr. Muhammad Kamarul Kabilan di atas seminar-seminar kendalian beliau yang telah saya hadiri di Institut Pengajian Siswazah, USM yang begitu menarik dan amat berguna bagi saya.

Akhir sekali, tidak lupa kepada keluarga tercinta, khususnya isteri saya, Rushaini Osman, yang begitu bersabar dengan masa yang banyak saya luangkan untuk menyempurnakan tesis ini. Juga kepada anak-anak, Kasih Iris Anisa, Ahmad Assyarqawi dan Muhammad Firdaus yang menjadi tunggak kekuatan hidup saya, semoga semuanya berbahagia dunia dan akhirat.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Jadual Kandungan.....	iv
Senarai Jadual.....	ix
Senarai Gambar Rajah.....	xii
Abstrak.....	xiii
Abstract.....	xv

BAB 1 - PENGENALAN

1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Pilihan Raya.....	2
1.2 Identifikasi Parti.....	3
1.3 Profil Kawasan Bayan Baru, Pulau Pinang.....	4
1.4 Objektif Kajian.....	16
1.5 Faedah Penyelidikan.....	21
1.6 Skop dan Batasan Kajian.....	22
1.7 Organisasi Bab.....	22

BAB 2 - SOROTAN KARYA

2.0 Pengenalan.....	25
2.1 Teori-Teori Pilihan Raya.....	25

2.2	Teori Perjanjian Masyarakat atau Teori Kontrak Sosial.....	53
2.3	Kajian-Kajian Pilihan Raya dan Penyertaan Politik.....	59
2.3.1	Penyertaan Politik Golongan Belia.....	59
2.3.2	Perhubungan Pelajaran Sivik dan Penyertaan Dalam Pilihan Raya..... dan Politik	66
2.3.3	Faktor Genetik Dalam Penyertaan Politik.....	68
2.3.4	Pengaruh Internet dan Media Dalam Pilihan Raya dan Penyertaan..... Politik	71
2.4	Teori-Teori Identifikasi Parti.....	79
2.5	Kajian-Kajian Identifikasi Parti.....	87
2.5.1	Penghijrahan, Perubahan Suasana Sekeliling Dan Identifikasi..... Parti	87
2.6	Pengaruh Keluarga dan Identifikasi Parti.....	92
2.6.1	Teori-Teori Pengaruh Keluarga Terhadap Identifikasi Parti.....	92
2.6.2	Kajian-Kajian Mengenai Pengaruh Keluarga Terhadap Identifikasi..... Parti	97
2.7	Perkauman dan Identifikasi Parti.....	102
2.7.1	Teori Masyarakat Majmuk.....	102
2.7.2	Perkauman dan Identifikasi Parti di Malaysia.....	108
2.8	Perbandingan Isu dan Identifikasi Parti.....	122
2.9	Politik Wang dan Sogokan dan Identifikasi Parti.....	124
2.10	Kempen dan Identifikasi Parti.....	127
2.11	Rumusan.....	130
2.12	Kerangka Konseptual.....	136

BAB 3 - REKA BENTUK DAN METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0	Pengenalan.....	137
3.1	Reka Bentuk Kajian.....	137
3.2	Kaedah Pengutipan Data Primer.....	138
3.2.1	Lokasi Kajian.....	140
3.2.2	Persampelan.....	140
3.2.3	Instrumen Kajian.....	141
3.2.4	Kaedah Analisis Data Primer.....	143
3.3	Kaedah Pengutipan Data Sekunder – Analisis Pilihan Raya Malaysia Yang Lepas.....	145
3.4	Rumusan.....	146

BAB 4 - PENEMUAN HASIL KAJIAN

4.0	Pengenalan.....	147
4.1	Penemuan Hasil Kajian Mengenai Penyertaan Masyarakat Bayan Baru Dalam Pilihan Raya.....	148
4.1.1	Analisis Data Primer – Tinjauan Soal Selidik dan Temubual Bersemuka Mengenai Penyertaan Golongan Belia Dalam Pilihan Raya.....	148
4.1.2	Analisis Data Primer – Tinjauan Soal Selidik dan Temubual Bersemuka Mengenai Hubungan Pendapatan Masyarakat Bayan Baru Dengan Penyertaan Dalam Pilihan Raya.....	154
4.2	Penemuan Hasil Kajian Mengenai Identifikasi Parti Masyarakat Bayan Baru.....	158
4.2.1	Analisis Data Primer - Tinjauan Soal Selidik dan Temubual Bersemuka Mengenai Identifikasi Parti Masyarakat Bayan Baru.....	158

4.2.2	Identifikasi dengan Barisan Nasional.....	162
4.2.3	Identifikasi dengan Pakatan Rakyat.....	163
4.2.4	Analisis Data Primer – Tinjauan Soal Selidik dan Temubual..... Bersemuka Mengenai Pengaruh Keluarga Terhadap Identifikasi Parti	166
4.2.5	Analisis Data Primer – Tinjauan Soal Selidik dan Temubual..... Bersemuka Faktor Perkauman dan Identifikasi Parti	175
4.3	Analisis Data Sekunder – Analisis Pilihan Raya Umum Malaysia Yang Lepas	183
4.3.1	Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 1964.....	183
4.3.2	Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 1969.....	185
4.3.3	Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 1974.....	189
4.3.4	Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 1978.....	191
4.3.5	Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 1982.....	194
4.3.6	Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 1986.....	196
4.3.7	Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 1990.....	200
4.3.8	Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 1995.....	202
4.3.9	Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 1999.....	204
4.3.10	Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 2004.....	208
4.3.11	Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 2008.....	210
4.3.12	Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 2013.....	222
4.3.13	Analisis Keputusan PRU 13 bagi Parlimen Bayan Baru.....	231
4.3.14	Kesimpulan Tinjauan Pilihan Raya Umum Malaysia Yang Lalu.....	237
4.4	Rumusan.....	239

BAB 5 - KESIMPULAN

5.0	Pengenalan.....	240
5.1	Penyertaan Dalam Pilihan Raya.....	241
5.2	Identifikasi Parti.....	248
5.3	Pengaruh Keluarga dan Identifikasi Parti.....	251
5.4	Perkauman dan Identifikasi Parti.....	253
5.5	Rumusan.....	255
5.6	Implikasi Kajian.....	256
5.7	Saranan Untuk Kajian Akan Datang.....	257

Bibliografi

Lampiran	Lampiran A : Borang Soal-Selidik
	Lampiran B : Profil Responden Temubual Bersemuka
	Lampiran C : Carta Aktiviti Temubual Bersemuka

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1.1	Jumlah pengundi berdaftar di Parlimen Bayan Baru mengikut etnik sehingga Mac 2013	6
Jadual 1.2	Jumlah pengundi berdaftar di Parlimen Bayan Baru mengikut umur sehingga Disember 2011	6
Jadual 1.3	Keputusan pilihan raya 2013 di beberapa pusat daerah mengundi terpilih mengikut kawasan perumahan di Parlimen Bayan Baru	8
Jadual 1.4	Keputusan pilihan raya Parlimen Bayan Baru dari tahun 1986 – 2013	9
Jadual 1.5	Keputusan pilihan raya 2008 bagi Parlimen Bayan Baru	10
Jadual 1.6	Keputusan pilihan raya 2013 bagi Dewan Undangan Negeri Baru Uban (Parlimen Bayan Baru)	11
Jadual 1.7	Keputusan pilihan raya 2013 bagi Dewan Undangan Negeri Pantai Jerejak (Parlimen Bayan Baru)	11
Jadual 1.8	Jumlah penduduk Pulau Pinang (warganegara Malaysia) mengikut kumpulan umur dan etnik bagi tahun 2013	12
Jadual 1.9	Bilangan isi rumah Pulau Pinang mengikut bandar dan luar bandar pada tahun 2010	12
Jadual 1.10	Bilangan lokasi 'hotspot' internet mengikut negeri	13
Jadual 1.11	Bilangan langganan jalur lebar dan kadar penembusan bagi suku 1 tahun 2013	14
Jadual 1.12	Peratusan penggunaan internet di Malaysia mengikut umur pada tahun 2011	15
Jadual 4.1	Responden mengikut jantina	148
Jadual 4.2	Responden mengikut etnik	148
Jadual 4.3	Umur dan penyertaan dalam pilihan raya	149
Jadual 4.4	Pendapatan dan penyertaan dalam pilihan raya	154

Jadual 4.5	Umur dan identifikasi parti	158
Jadual 4.6	Perhubungan komunikasi politik dalam keluarga dengan pengaruh keluarga dalam politik	166
Jadual 4.7	Perhubungan pengaruh keluarga dengan identifikasi parti	168
Jadual 4.8	Faktor perkauman dan identifikasi parti	175
Jadual 4.9	Keutamaan parti politik mengikut etnik – UMNO	176
Jadual 4.10	Keutamaan parti politik mengikut etnik – DAP	177
Jadual 4.11	Keutamaan parti politik mengikut etnik – PKR	178
Jadual 4.12	Keputusan pilihan raya Parlimen Malaysia tahun 1964	184
Jadual 4.13	Keputusan pilihan raya Parlimen Malaysia tahun 1969	188
Jadual 4.14	Keputusan pilihan raya Parlimen Malaysia tahun 1974	190
Jadual 4.15	Keputusan pilihan raya Parlimen Malaysia tahun 1978	193
Jadual 4.16	Keputusan pilihan raya Parlimen Malaysia tahun 1982	196
Jadual 4.17	Keputusan pilihan raya Parlimen Malaysia tahun 1986	198
Jadual 4.18	Keputusan pilihan raya Parlimen Malaysia tahun 1990	202
Jadual 4.19	Keputusan pilihan raya Parlimen Malaysia tahun 1995	204
Jadual 4.20	Keputusan pilihan raya Parlimen Malaysia tahun 1999	205
Jadual 4.21	Keputusan pilihan raya Parlimen Malaysia tahun 2004	209
Jadual 4.22	Keputusan pilihan raya Parlimen Malaysia tahun 2008	211
Jadual 4.23	Keputusan pilihan raya Parlimen Malaysia tahun 2013	223
Jadual 4.24	Keputusan pilihan raya Parlimen dan DUN 2013- Negeri Pulau Pinang	224

Jadual 4.25	Keputusan pilihan raya 2013 bagi Parlimen Bayan Baru	231
Jadual 4.26	Keputusan pilihan raya 2013 bagi Dewan Undangan Negeri Batu Uban	232
Jadual 4.27	Keputusan pilihan raya 2013 bagi Dewan Undangan Negeri Batu Maung	233
Jadual 4.28	Keputusan pilihan raya 2013 bagi Dewan Undangan Negeri Pantai Jerejak	234
Jadual 4.29	Analisis keputusan pilihan raya 2013 bagi DUN Pantai Jerejak mengikut pusat daerah mengundi (PDM)	235

	SENARAI GAMBAR RAJAH	Muka surat
Gambar rajah 1.1	Profail kawasan P052 Parlimen Bayan Baru, Pulau Pinang	5
Gambar rajah 1.2	Matrix penyelidikan	19
Gambar rajah 2.1	Klasifikasi pilihan raya kompetitif	39
Gambar rajah 2.2	Pengaruh (<i>Robert A. Dahl</i>)	43
Gambar rajah 2.3	<i>The Michigan model of voting</i>	80
Gambar rajah 2.4	Kerangka konseptual	136
Gambar rajah 4.1	Pecahan pemilih mengikut etnik bagi Parlimen Bayan Baru	231
Gambar rajah 4.2	Pecahan pemilih mengikut etnik bagi N35 DUN Batu Uban	232
Gambar rajah 4.3	Pecahan pemilih mengikut etnik bagi N37 DUN Batu Maung	233
Gambar rajah 4.4	Pecahan pemilih mengikut etnik bagi N36 DUN Pantai Jerejak	234

PILIHAN RAYA DAN IDENTIFIKASI PARTI MASYARAKAT PULAU PINANG: KAJIAN KES BAYAN BARU

ABSTRAK

Dua perkara utama yang menjadi fokus kajian tesis ini ialah penyertaan dalam pilihan raya dan identifikasi parti masyarakat Pulau Pinang. Identifikasi parti merujuk kepada perasaan pertalian jangka panjang yang timbul dalam diri pengundi terhadap sesebuah parti politik tertentu. Orang yang mempunyai identifikasi dengan sesebuah parti politik boleh dikenal pasti dengan sokongan mereka seperti berikut : mereka mendaftar sebagai ahli parti tersebut, menunjukkan kecenderungan yang kuat untuk mengundi calon-calon parti tersebut dalam kebanyakan pilihan raya, serta mempunyai kecenderungan untuk menyokong dasar-dasar parti tersebut. Oleh itu identifikasi parti menjadi salah satu faktor terpenting yang mempengaruhi pengundi semasa membuat pemilihan dalam pilihan raya. Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji faktor-faktor sebilangan rakyat terutama golongan belia dan golongan berpendapatan rendah tidak mengundi dalam pilihan raya negara, menganalisis sama ada masyarakat Pulau Pinang sebenarnya mempunyai identifikasi dengan mana-mana parti politik utama dari komponen Barisan Nasional (BN) atau Pakatan Rakyat (PR) dan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan mereka, mengkaji sama ada keluarga masih mempengaruhi identifikasi parti masyarakat serta keputusan mengundi mereka dan sama ada perkauman menjadi faktor utama bagi masyarakat membuat pemilihan semasa pilihan raya. Pengutipan data primer melibatkan dua kaedah iaitu tinjauan soal selidik bagi data kuantitatif dan temu bual bersemuka bagi data kualitatif. Sejumlah 344 set borang soal selidik berskala Likert telah diagihkan bagi mendapatkan pandangan daripada responden dan 8 orang daripada mereka telah ditemubual secara bersemuka bagi mendapatkan maklumat lebih

lanjut. Data sekunder pula telah diperolehi dengan menganalisis pilihan raya negara yang lepas. Hasil kajian mendapati sebilangan dari masyarakat tidak mengundi dalam pilihan raya negara sebab kurangnya motivasi untuk berbuat demikian kerana menganggap undi mereka tidak dapat mengubah keadaan yang ada sekarang. Ini diburukkan lagi oleh persepsi masyarakat terutama dari golongan belia dan yang berpendapatan rendah yang menganggap politik suatu permainan kotor kumpulan elit yang mementingkan diri sendiri. Kajian ini juga mendapati lebih ramai masyarakat Malaysia cenderung mengundi dalam pilihan raya dengan berpaksikan emosi dan ikatan psikologi identifikasi mereka dengan parti-parti politik. Identifikasi ini didorong oleh dua faktor utama iaitu pengaruh keluarga dan perkauman.

**ELECTIONS AND PARTY IDENTIFICATION OF THE PENANG SOCIETY:
CASE STUDY OF BAYAN BARU**

ABSTRACT

Two main areas of focus of this thesis are the participation in elections and party identification of the Penang society. Party identification refers to the long term feelings of attachment that develops in voters towards a political party. Party identifiers can be described by their support in the following ways: they register as members of the party, show a strong tendency to vote for candidates of the party in most elections and they are inclined to support policies of the party. Thus, party identification becomes one of the most important factors that influence voters when making choices in elections. The objectives of this study are to examine factors why a section of the community, especially the youths and the lower income groups do not vote in the national elections, analyse whether the people of Penang actually do identify with any of the major political parties of the Barisan Nasional (BN) or Pakatan Rakyat (PR) and examine the factors that influenced their selection, assess whether the family is still an influence for residents when making decisions during elections and whether racism is a main factor for the residents when making decisions in elections. Primary data collection involved two main methods i.e. survey using questionnaires for quantitative data and face to face interviews for qualitative data. A total of 344 sets of Likert scale questionnaires were distributed to obtain the views of respondents and 8 of them were interviewed in person for more information. Secondary data were obtained by analysing the country's past elections. The study found that a substantial number of people did not vote in the national elections because of lack of motivation to do so as they did not believe their

votes can change the status quo. This is exacerbated by the perception of the public, especially the youth and lower income group who consider politics as a dirty game played by a group of selfish elite. The study also found that more Malaysians tend to vote in an election with emotional and psychological bonds based on their identification with political parties. This identification is driven by two main factors i.e. the influences of family and racism.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Dua perkara utama yang menjadi fokus kajian tesis ini ialah ‘pilihan raya’ dan ‘identifikasi parti’ masyarakat Pulau Pinang. Pilihan raya dipilih untuk menjadi salah satu fokus utama kajian kerana ia merupakan satu bentuk penyertaan politik yang paling lazim bagi masyarakat ramai dan paling ramai pesertanya sekiranya dibandingkan dengan saluran-saluran penyertaan lain. Mengundi dalam pilihan raya sangat penting dalam sistem politik sebuah negara demokrasi kerana ia merupakan satu kegiatan yang menghubungkan rakyat dengan sistem politik negara tersebut dan mampu mempengaruhi dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan yang dipilih oleh mereka. Namun masih lagi terdapat sebilangan dari masyarakat yang tidak merebut hak mereka ini atau menunaikan tanggung jawab untuk mengundi dalam pilihan raya negara. Kepentingan identifikasi parti pula telah diutarakan oleh ramai sarjana yang mengkaji mengenai konsep ini. Mereka menganggap identifikasi parti mempunyai pengaruh yang besar ke atas pengundi dalam membuat keputusan semasa mengundi dalam pilihan raya. Bayan Baru dipilih sebagai tempat kajian kerana ia merupakan sebuah kawasan bandar yang mempunyai penduduk berbilang kaum serta pelbagai kelas masyarakat. Sejarah politiknya juga agak menarik disebabkan oleh keputusan-keputusan pilihan raya yang lalu yang menunjukkan kemenangan bertukar ganti beberapa kali antara parti kerajaan dengan parti

pembangking. Keputusan-keputusan pilihan raya lepas menunjukkan kematangan penduduk Bayan Baru dalam membuat pemilihan semasa pilihan raya dan mereka tidak terus setia memilih hanya berdasarkan sokongan kepada sesebuah parti politik sahaja.

1.1 Pilihan raya

Dalam kebanyakan masyarakat, dasar dan keputusan awam dibuat oleh satu golongan kecil. Namun demikian, ahli-ahli teori demokratik bersetuju bahawa golongan kecil ini harus mewakili, bertanggungjawab kepada dan diberi mandat serta boleh dipersoalkan oleh rakyat yang menjadi sasaran keputusan-keputusan mereka itu. Berdasarkan latarbelakang ini, pilihan raya boleh diertikan sebagai proses yang memberi kuasa kepada mereka yang diperintah itu menentukan, melalui cara-cara pemilihan tertentu, wakil-wakil yang kepadanya diserahkan mandat untuk membuat keputusan, dasar dan undang-undang masyarakat. Dalam perkataan yang lebih mudah, pilihan raya ialah satu proses di mana ahli masyarakat memilih dan mengesahkan wakil-wakil untuk membuat dasar dan keputusan politik (Syed Ahmad Hussein, 2004).

Dalam negara demokrasi yang mempunyai sistem pilihan raya, pilihan raya boleh berlaku di pelbagai peringkat seperti peringkat nasional, wilayah dan tempatan. Di negara Malaysia, pilihan raya diadakan di peringkat parlimen dan dewan undangan negeri. Di Bayan Baru, kawasan pilihan raya merangkumi satu kawasan parlimen iaitu Parlimen Bayan Baru (P52) dan tiga kawasan dewan undangan negeri iaitu DUN Batu Uban (N35), DUN Pantai Jerejak (N36) dan DUN Batu Maung (N37).

1.2 Identifikasi Parti

Identifikasi parti pula merujuk kepada perasaan pertalian jangka panjang yang timbul dalam pengundi terhadap sesebuah parti politik tertentu. Seseorang boleh dikenal pasti sebagai mempunyai identifikasi dengan sesebuah parti politik apabila beliau mendaftar sebagai ahli parti tersebut, menunjukkan kecenderungan yang kuat untuk mengundi parti tersebut dalam kebanyakan pilihan raya, menyokong dasar-dasar parti tersebut dan apabila ditinjau menyatakan mempunyai perasaan identifikasi dengan parti tersebut (Harrop & Miller, 1987).

Perasaan identifikasi parti ini pada asalnya diwarisi melalui keluarga iaitu dipengaruhi oleh keluarga dan pengalaman semasa kanak-kanak. Anak-anak biasanya akan mengikuti kecenderungan parti politik yang disokong oleh ibu atau bapa mereka. Namun apabila dewasa, seseorang akan mula menyesuaikan diri dengan keadaan politik semasa dan berkemungkinan mengubah kesetiaan terhadap parti mengikut pengalamannya sendiri.

Faktor-faktor yang dikenal pasti oleh sarjana-sarjana yang telah mengkaji konsep ini, antaranya Beck et.al (2008), Jennings et.al (2009), Bartels (2000) dan Campbell et.al (1960), sebagai boleh mempengaruhi identifikasi seseorang terhadap sesebuah parti politik antara lain adalah bangsa atau etnik, jantina, pegangan agama, pendidikan, ekonomi dan keluarga. Walau bagaimanapun dengan meluasnya maklumat yang mampu diperolehi oleh pengundi sekarang sebelum membuat keputusan, faktor identifikasi parti

ini berkemungkinan akan semakin berkurangan dalam mempengaruhi seseorang semasa membuat pemilihan dalam pilihan raya.

1.3 Profil Kawasan Bayan Baru, Pulau Pinang

Bayan Baru telah dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang semenjak tahun 1972 dan terletak lebih kurang 18 kilometer ke selatan Georgetown dan bersebelahan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Bayan Baru pada asalnya merupakan sebuah tanah pertanian sebelum dibangunkan sebagai sebuah bandar metropolitan bagi menampung populasi Pulau Pinang yang semakin berkembang. Bandar Bayan Baru menjadi lokasi beberapa bangunan besar termasuk Pasaraya Sunshine Square, Giant Hypermarket, Hospital Pantai, pusat membeli-belah Queensbay Mall, Penang International Sports Arena (PISA) yang sekarang ini sedang dibangunkan semula untuk dijadikan pusat konvensyen antarabangsa dengan nama baru Subteranean Penang International Conference & Exhibition Centre (SPICE), Kompleks Bukit Jambul dan Kompleks De Piazza. Bangunan MSC pertama di luar kawasan Lembah Kelang juga terletak di sini iaitu Penang Cybercity.

Sepanjang dua tahun kebelakangan ini, Bayan Baru telah menyaksikan pembangunan infrastruktur terbaru seperti iDeal The One Sky, One Precint, Quarter Mile, Elite Bayan City, Olive Tree dan Promenade. Syarikat perumahan Hunza Properties Berhad juga dijangka memulakan pembinaan beberapa projek perumahan bernilai RM 7 billion dalam tahun 2015. Walau bagaimanapun, lalu lintas semakin hari semakin sesak

terutama di waktu pejabat dan telah menjadi lebih buruk lagi dengan siapnya pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang yang membawa masuk lebih banyak kereta dari luar melalui Batu Maung yang berhampiran dengan kawasan perindustrian Bayan Lepas dan Bayan Baru.



Gambar rajah 1.1 Profail kawasan P052 Parlimen Bayan Baru, Pulau Pinang
(Sumber : Pejabat Kemas Bayan Baru, Pulau Pinang)

Bayan Baru mempunyai penduduk yang berbilang etnik dan pelbagai kelas. Jumlah pengundi berdaftar bagi kawasan Parlimen Bayan Baru sehingga bulan Mac 2013 telah mencecah 73,895 orang. (Sila rujuk Jadual 1.1)

Jadual 1.1 Jumlah pengundi berdaftar di Parlimen Bayan Baru mengikut etnik sehingga Mac 2013

Etnik	Jumlah	Peratus
Melayu	28,669	38.8 %
Cina	36,444	49.3%
India	8,168	11.1%
Lain-Lain	614	0.8%
Jumlah	73,895	100%

Sumber : Pejabat Suruhanjaya Pilihan raya Negeri Pulau Pinang, 2013

Dari segi umur pula, pengundi berumur antara 21-30 tahun mencatatkan peratusan terendah pengundi berdaftar pada tahap 12.4% bagi Parlimen Bayan Baru sehingga Disember 2011 berbanding pengundi dalam kumpulan umur 31-40 tahun, 41-50 tahun, 51-60 tahun dan 61 tahun ke atas. (Sila rujuk Jadual 1.2)

Jadual 1.2 Jumlah pengundi berdaftar di Parlimen Bayan Baru mengikut umur sehingga Disember 2011

Umur (Tahun)	21 - 30	31 - 40	41 – 50	51 – 60	61 ke atas	Jumlah
Jumlah	8,509	13,726	15,383	13,090	17,542	68,250
Peratus	12.4 %	20.1%	22.6%	19.2%	25.7%	100.0%

Sumber : Pejabat Suruhanjaya Pilihan raya Negeri Pulau Pinang, 2013

Walaupun sebahagian besar dari penduduk Bayan Baru adalah dari golongan berpendapatan pertengahan, namun terdapat juga penduduk dari golongan berpendapatan rendah dan tinggi. Di Malaysia, golongan berpendapatan rendah adalah mereka yang berpendapatan di bawah RM1500, mereka yang berpendapatan pertengahan memperolehi pendapatan antara RM1500 sehingga RM3500 manakala mereka yang berpendapatan tinggi adalah berpendapatan RM3500 ke atas. Ukuran ini berdasarkan taraf pendapatan minimum atau Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Kebanyakan penduduk Bayan Baru yang berpendapatan tinggi adalah tertumpu di kawasan-kawasan daerah mengundi yang mempunyai kawasan perumahan kos tinggi seperti Minden Heights, Bukit Jambul, Pantai Jerejak, Taman Sri Nibong, Bukit Gambier dan Taman Desa Ara. Kebanyakan golongan berpendapatan pertengahan tinggal di kawasan perumahan kos sederhana seperti Sungai Dua, Taman Jubilee, Bandar Bayan Baru, Taman Melati, Kampung Sungai Ara dan Batu Maung. Kebanyakan golongan berpendapatan rendah pula tertumpu di kawasan perumahan rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah di Jalan Mahsuri, Jalan Tengah dan Taman Bukit Gedung, di kawasan rumah setinggan di Jalan Mahsuri dan rumah 'cluster' di Pintasan Bahagia. Mereka juga tinggal di kawasan perumahan kampung di Permatang Damar Laut, Teluk Tempoyak, Sungai Tiram dan Sungai Keluang.

Keputusan pilihan raya negara tahun 2013 bagi Parlimen Bayan Baru menunjukkan bahawa calon Pakatan Rakyat (PR) dari Parti Keadilan Rakyat (PKR), Sim

Tze Tzin, telah memenangi pertandingan tersebut dan berjaya memperolehi peratusan undi yang lebih tinggi di kawasan perumahan golongan berpendapatan tinggi berbanding kawasan perumahan golongan berpendapatan rendah. Beliau telah kalah di dua pusat daerah mengundi yang terdapat di kawasan perumahan golongan berpendapatan rendah iaitu di Jalan Mahsuri dan Teluk Tempoyak. (Sila rujuk Jadual 1.3)

Jadual 1.3 Keputusan pilihan raya 2013 di beberapa pusat daerah mengundi terpilih mengikut kawasan perumahan bagi Parlimen Bayan Baru

Pusat Daerah Mengundi Kawasan Perumahan Kos Tinggi	Sim Tze Tzin (Calon PR dari PKR)	Tang Heap Seng (Calon BN dari MCA)	Jumlah Undi
Minden Heights	2,059 (70.8%)	848 (29.2%)	2,907 (100%)
Bukit Jambul	3,111 (70.3%)	1,311 (29.6%)	4,422 (100%)
Bukit Gambir	1,463 (79.5%)	378 (20.5%)	1,841 (100%)
Pantai Jerejak	2,307 (79.6%)	591 (20.4%)	2,898 (100%)
Taman Desa Ara	2,930 (70.2%)	1,246 (29.8%)	4,176 (100%)
Pusat Daerah Mengundi Kawasan Perumahan Kos Rendah			
Pintasan Bahagia	1,010 (54.9%)	829 (45.1%)	1,839 (100%)
Jalan Mahsuri	1,176 (48.3%)	1,261 (51.7%)	2,437 (100%)
Sungai Tiram	734 (51.0%)	704 (49.0%)	589 (100%)
Sungai Kluang	267 (50.5%)	262 (49.5%)	529 (100%)
Permatang Damar Laut	2,116 (53.9%)	1,813 (46.1%)	3,929 (100%)
Taman Bukit Gedung	1,904 (52.8%)	1,704 (47.2%)	3,608 (100%)
Teluk Tempoyak	356 (35.1%)	659 (64.9%)	1,015 (100%)

Sumber : Pejabat Suruhanjaya Pilihan raya Negeri Pulau Pinang, 2013

Sejarah politik Parlimen Bayan Baru menunjukkan bahawa sebilangan besar pengundi di kawasan ini tidak memberikan sokongan atau kesetiaan yang berkekalan kepada mana-mana parti politik. Sebelum pilihan raya tahun 2004, pertandingan di Bayan Baru selalunya adalah antara calon dari parti *Malaysian Chinese Association* (MCA)

dengan parti *Democractic Action Party* (DAP). Dalam tahun 1986, kedua-dua parti mendapat undi yang hampir sama banyak tetapi DAP memenangi kerusi tersebut dengan kelebihan hanya 262 undi. DAP kemudiannya mempertahankan kerusi tersebut dengan majoriti 51 peratus dalam pilihan raya tahun 1990 tetapi kemudiannya kalah dalam dua pilihan raya berikutnya iaitu pada tahun 1995 dan 1999. Calon BN dari MCA kemudiannya memenangi sekali lagi kerusi tersebut pada tahun 2004 setelah mengalahkan calon parti aDIL tetapi kalah kembali kepada parti Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam pilihan raya tahun 2008 dan tahun 2013.

Dalam pilihan raya 2013 bagi Parlimen Bayan Baru, calon PKR Sim Tze Tzin telah mengalahkan calon BN, Tang Hiap Seng, dengan kelebihan undi 19,307. Bilangan kelebihan undi ini lebih tinggi berbanding kekalahan calon BN, Ooi Siew Kim kepada calon PKR Datuk Zahrain Mohamed Hashim dalam PRU 12 dengan kelebihan undi sebanyak 10,482. Sebelum itu pula, calon BN Dato' Wong Kum Hoong telah memenangi pilihan raya tahun 2004 dengan kelebihan undi sebanyak 18,853 dan pilihan raya tahun 1999 dengan kelebihan undi sebanyak 9,481. Sila rujuk Jadual 1.4 bagi keputusan pilihan raya Parlimen Bayan Baru dari tahun 1986 – 2013.

Jadual 1.4 - Keputusan pilihan raya Parlimen Bayan Baru dari tahun 1986 – 2013

Tahun	MCA (BN)	DAP	aDIL / PKR	Kemenangan (kelebihan undi)
1986	19,348 (47.1%)	19,610 (47.7%)		DAP (262 undi, 0.67%)
1990	23,513	25,853		DAP (2,340 undi, 4.7%)

	(46.9%)	(51.5%)		
1995	32,190 (54.5%)	25,351 (42.9%)		BN(6,839 undi, 11.9%)
1999	35,762 (56.6%)	26,281 (41.6%)		BN(9,481 undi, 26.5%)
2004	28,985 (74.1%)		10,132 (25.9%)	BN(18,853 undi, 48.2%)
2008	16,589 (37.5%)		27,618 (62.5%)	PKR (11,029 undi, 25.0%)
2013	24,251 (35.8%)		43,558 (64.2%)	PKR (19,307 undi, 28.5%)

Sumber : Pejabat Suruhanjaya Pilihan raya Negeri Pulau Pinang, The Star dan New Straits Times, 2013

Dalam pilihan raya negara tahun 2008, keputusan bagi merebut kerusi Parlimen Bayan Baru telah membayangkan bahawa ramai pengundi telah mengundi dengan tidak berdasarkan etnik calon. Calon PKR, Datuk Zahrain Mohamed Hashim telah berjaya mengalahkan calon BN, Ooi Siew Kim dengan kelebihan sebanyak 11,029 undi walau pun majoriti pengundi di kawasan itu adalah dari etnik Cina (48.5%) berbanding pengundi Melayu (39.1%) dan India (11.8%). (Sila rujuk Jadual 1.5)

Jadual 1.5 Keputusan pilihan raya 2008 bagi Parlimen Bayan Baru

Parti	Calon	Jumlah Undi
PKR	Zahrain Mohamed Hashim	27,618 (Menang)
BN (MCA)	Ooi Siew Kim	16,589
Pengundi Cina –48.5% Pengundi Melayu – 39.1% Pengundi India – 11.8%		

Sumber : Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang, 2013

Dalam pilihan raya tahun 2013 juga, keputusan di dua kawasan dewan undangan negeri iaitu DUN Batu Uban dan DUN Pantai Jerejak menunjukkan bahawa ramai pengundi telah mengundi dengan tidak berdasarkan etnik calon. Calon PKR, T. Jayabalan telah mengalahkan calon BN, Goh Kheng Sneah dengan kelebihan sebanyak 7,160 undi sedangkan kawasan itu mempunyai 60% pengundi Cina berbanding 26% pengundi Melayu dan 14% pengundi India. Di DUN Pantai Jerejak juga, calon PKR, Mohd Rashid Hasnon telah mengalahkan calon BN, Wong Mun Hoe dengan kelebihan sebanyak 6,451 undi sedangkan kawasan tersebut mempunyai 49% pengundi Cina, berbanding 39% pengundi Melayu dan 11% pengundi India. (Sila rujuk Jadual 1.6 dan Jadual 1.7)

Jadual 1.6 Keputusan pilihan raya 2013 bagi Dewan Undangan Negeri Batu Uban (Parlimen Bayan Baru)

Parti	Calon	Jumlah Undi
PKR	T. Jayabalan	17017 (Menang)
BN (Gerakan)	Goh Kheng Sneah	7,160
Bebas	3 calon	252
Pengundi Cina – 60% Pengundi Melayu – 26% Pengundi India – 14%		

Sumber : Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang, 2013

Jadual 1.7 Keputusan pilihan raya 2013 bagi Dewan Undangan Negeri Pantai Jerejak (Parlimen Bayan Baru)

Parti	Calon	Jumlah Undi
PKR	Mohd Rashid Hasnon	11,805 (Menang)
BN (Gerakan)	Wong Mun Hoe	6,451
Pengundi Cina – 49% Pengundi Melayu – 39% Pengundi India – 11%		

Sumber : Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang, 2013

Penduduk keseluruhan negeri Pulau Pinang (warganegara Malaysia) berjumlah 1,524.8 juta orang dan berbilang etnik. Penduduk dari etnik Melayu berjumlah 672.1 ribu orang, etnik Cina berjumlah 678.5 ribu orang, etnik India berjumlah 162.6 ribu orang dan etnik lain berjumlah 11.6 ribu orang. (Sila rujuk Jadual 1.8)

Jadual 1.8 Jumlah penduduk Pulau Pinang (warganegara Malaysia) mengikut umur dan kumpulan etnik bagi tahun 2013

('000)

Umur (tahun)	Jumlah	Melayu	Cina	India	Lain-lain
0 – 9	224.8	122.1	76.3	24.2	2.2
10-19	255.0	126.4	98.0	28.8	1.8
20-29	270.5	135.8	104.7	27.6	2.4
30-39	231.7	101.0	104.5	24.1	2.1
40-49	207.5	80.1	103.8	22.3	1.3
50-59	166.1	56.9	88.3	20.0	0.9
60-69	109.4	33.4	64.3	11.1	0.6
70-79	50.2	13.9	32.3	3.7	0.3
80-84	9.6	2.5	6.3	0.8	-
Jumlah	1,524.8	672.1	678.5	162.6	11.6

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pulau Pinang, 2013

Lebih dari 83.5% isi rumah di Pulau Pinang yang berjumlah 382.4 ribu pada tahun 2010 terdapat di kawasan bandar. (Sila rujuk Jadual 1.9)

Jadual 1.9 Bilangan isi rumah Pulau Pinang mengikut bandar dan luar bandar pada tahun 2010

Bandar	%	Luar Bandar	%	Jumlah
319,300	83.5%	63,100	16.5	382,400

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013

Berhubung penyebaran maklumat melalui media baru, Pulau Pinang mempunyai bilangan lokasi ‘hotspot’ untuk internet yang tertinggi di seluruh Malaysia iaitu 6,265 tempat pada suku pertama tahun 2013. (Sila rujuk Jadual 1.10).

Jadual 1.10 Bilangan lokasi ‘hotspot’ internet mengikut negeri

Negeri	Tahun 2012	Suku 1 Tahun 2013
Johor	3,645	3,566
Kedah	1,706	2,323
Kelantan	1,184	1,130
Melaka	1,014	1,319
Negeri Sembilan	555	558
Pahang	1,576	1,493
Perak	1,591	2,010
Perlis	7	57
Pulau Pinang	6,613	6,265
Selangor	4,961	5,052
Terengganu	1,511	1,505
Sabah	1,228	1,067
Sarawak	1,941	1,933
W.P. Kuala Lumpur	3,876	3,610
W.P. Labuan	8	8
W.P. Putrajaya	77	78
Jumlah	31,493	31,974

Sumber : Buku Maklumat Statistik, Kementerian Komunikasi & Multimedia, 2013

Disamping itu, Pulau Pinang mempunyai kadar penembusan langganan jalur lebar kedua tertinggi di seluruh negara selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada kadar 79.7% mengikut isi rumah pada suku 1 tahun 2013 (Sila rujuk Jadual 1.11)

Jadual 1.11 Bilangan langganan jalur lebar dan kadar penembusan bagi suku 1 2013

Negeri	Jumlah Langganan ('000)	Kadar penembusan isi rumah
Johor	532.3	64 %
Kedah	253.4	53.9%
Kelantan	148.7	43.6%
Melaka	136.0	64.9%
Negeri Sembilan	188.8	74.3%
Pahang	209.9	61.5%
Perak	312.4	51.9%
Perlis	38.5	68.0%
Pulau Pinang	328.3	79.7%
Selangor	1,108.2	76.4%
Terengganu	136.9	59.0%
Sabah	246.0	56.9%
Sarawak	313.3	54.6%
WPKL	493.6	106.4%
WP Labuan	13.2	66.8%
WP Putrajaya	18.8	79.5%

Tidak diketahui	0.8	
Malaysia	4,479	66.6%

Sumber : Buku Maklumat Statistik, Kementerian Komunikasi & Multimedia, 2013

Di seluruh Malaysia, peratusan penggunaan internet yang terbesar mengikut umur pada tahun 2011 adalah dari kumpulan umur 25–29 tahun (17.5%), diikuti dengan kumpulan umur 20-24 tahun (16.5%) dan kumpulan umur 30-34 tahun (15.7%). (Sila rujuk Jadual 1.12)

Jadual 1.12 Peratusan penggunaan internet di Malaysia mengikut umur pada tahun 2011

Kumpulan Umur	2009 (%)	2011 (%)
Bawah 15 tahun	8.1	11.0
16 – 19 tahun	19.2	8.6
20 – 24 tahun	14.2	16.5
25 – 29 tahun	12.9	17.5
30 – 34 tahun	11.4	15.7
35 – 39 tahun	9.5	10.4
40 – 44 tahun	9.4	7.1
45 – 49 tahun	5.1	5.8
50 tahun ke atas	10.2	7.4

Sumber : Buku Maklumat Statistik, Kementerian Komunikasi & Multimedia, 2013

1.4 Objektif Kajian

1. Jadual 1.2 menunjukkan bahawa pengundi dalam kumpulan umur 21-30 tahun merupakan kumpulan yang mempunyai peratusan terendah pengundi berdaftar di Parlimen Bayan Baru dibandingkan dengan kumpulan umur lain yang lebih tua. Walaupun banyak kempen dan promosi telah dijalankan oleh kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan mengenai kepentingan mengundi serta kemudahan yang disediakan untuk mendaftar sebagai pengundi, ramai yang masih keberatan meluang masa dan tenaga untuk mendaftar sebagai pengundi dan mengundi dalam pilihan raya negara.

Objektif kajian yang pertama ialah untuk mengkaji faktor-faktor sebilangan rakyat terutama golongan belia tidak mengundi dalam pilihan raya umum negara.

2. Jadual 1.3 pula menunjukkan bahawa pengundi-pengundi di kawasan perumahan golongan berpendapatan tinggi lebih tinggi peratusannya yang telah mengundi calon PR bagi Parlimen Bayan Baru semasa pilihan raya 2013. Di kawasan perumahan golongan berpendapatan rendah pula, calon PR telah mendapat peratusan undi yang lebih rendah, malahan beliau telah kalah di dua pusat daerah mengundi.

Objektif kajian yang kedua ialah untuk menganalisis sama ada pendapatan mempengaruhi keputusan mengundi pengundi di Parlimen Bayan Baru.

3. Walaupun terdapat sarjana yang telah mengkaji dan menulis tentang pengaruh kuat identifikasi parti terhadap pengundi semasa membuat pemilihan semasa pilihan raya, namun Jadual 1.4 menunjukkan kemenangan bertukar ganti antara calon parti BN dengan parti pembangkang dalam pilihan raya Parlimen Bayan Baru dalam tempoh masa tahun 1986-2013. Ini menunjukkan bahawa pengundi di Bayan Baru cukup matang untuk tidak terus setia kepada sesebuah parti politik dalam membuat keputusan semasa memilih dalam pilihan raya.

Objektif kajian yang ketiga ialah untuk mengkaji sama ada masyarakat Pulau Pinang sebenarnya mempunyai identifikasi dengan mana-mana parti dari komponen Barisan Nasional (BN) atau Pakatan Rakyat (PR) dan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan mereka.

4. Ramai pengkaji telah membuktikan bahawa keluarga terutama ibu bapa mempunyai pengaruh yang kuat ke atas keputusan mengundi ahli keluarga terutama anak-anak mereka. Antara mereka ialah Newport (2009), Jennings (2009), Kroh & Selb (2009) dan Valentino & Sears (1998).

Walaupun bagaimanapun, golongan belia pada hari ini berupaya memperolehi maklumat dengan meluas dan cepat mengenai keadaan di seluruh dunia termasuk dalam hal politik melalui internet. Jadual 1.11 menunjukkan bahawa Pulau Pinang mempunyai kadar penggunaan dan penembusan internet antara yang tertinggi di seluruh negara. Jadual 1.12 pula menunjukkan masyarakat dari kumpulan umur 20 – 29 tahun merupakan

pengguna internet yang terbesar di Malaysia berbanding kumpulan umur yang lain. Ini membuktikan bahawa golongan belia di Pulau Pinang ramai yang menggunakan internet dan berupaya memperolehi maklumat dengan meluas dan cepat mengenai keadaan di seluruh dunia termasuk dalam hal politik.

Objektif kajian yang keempat ialah untuk mengkaji sama ada keluarga masih mempengaruhi identifikasi parti masyarakat serta keputusan mengundi mereka, walaupun wujud pembangunan teknologi maklumat yang pesat dan penggunaan media sosial yang meluas, terutama di kalangan belia di Pulau Pinang khususnya di Bayan Baru.

5. Ramai sarjana telah menulis tentang pengaruh perkauman atau etnik ke atas masyarakat Malaysia terutama dalam hal politik, antara mereka ialah Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2010), Montlake (2008) dan Hanna (1964). Walau bagaimana pun, keputusan pilihan raya Parlimen Bayan Baru bagi tahun 2008 menunjukkan bahawa sebilangan besar pengundi telah tidak melihat kepada etnik calon semasa membuat pemilihan mengundi apabila calon PKR, Datuk Zahrain Mohamed Hashim, telah berjaya mengalahkan calon BN, Ooi Siew Kim, sedangkan kawasan tersebut mempunyai majoriti pengundi dari etnik Cina. Begitu juga dengan keputusan di dua dewan undangan negeri dalam kawasan parlimen tersebut bagi tahun 2013 iaitu DUN Batu Uban dan DUN Pantai Jerejak yang telah menunjukkan bahawa sebilangan besar pengundi juga telah tidak melihat kepada etnik calon semasa membuat pemilihan mengundi. Calon PKR dari etnik India, T. Jayabalan telah berjaya mengalahkan calon BN dari etnik Cina, Goh Kheng Sneah di DUN Batu Uban yang mempunyai 60% pengundi Cina dan hanya 14%

pengundi India manakala calon PKR, Mohd Rashid Hasnon telah berjaya mengalahkan calon BN, Wong Mun Hoe di DUN Pantai Jerejak yang mempunyai 49% pengundi Cina dan hanya 39% pengundi Melayu.

Objektif kajian yang kelima ialah untuk mengkaji sama ada perkauman menjadi faktor utama bagi masyarakat membuat pemilihan semasa pilihan raya.

Gambar Rajah 1.2 merupakan matriks penyelidikan tesis ini.

Bil	Objektif	Contoh Soalan Kajian	Metod	Instrumen	Analisis Data
1	Objektif kajian yang pertama ialah untuk mengkaji faktor-faktor sebilangan rakyat terutama golongan belia tidak mengundi dalam pilihan raya negara.	Saya seorang pengundi berdaftar. Jawapan : 1. Ya 2. Tidak Apakah sebab-sebab yang terlibat?	Tinjauan Temubual	Soal-selidik Kumpulan fokus lapan orang	Statistik deskriptif Strategi kod (Bogdan & Biklen, 1992)
2	Objektif kajian yang kedua ialah untuk menganalisis sama ada pendapatan mempengaruhi keputusan mengundi pengundi di Parlimen Bayan Baru.	Saya seorang pengundi berdaftar. Jawapan : 1. Ya 2. Tidak Apakah faktor-faktor yang terlibat?	Tinjauan Temubual	Soal-selidik Kumpulan fokus lapan orang	Statistik deskriptif Strategi kod (Bogdan & Biklen, 1992)

5	Objektif kajian yang kelima ialah untuk mengkaji sama ada perkauman menjadi faktor utama bagi masyarakat membuat pemilihan semasa pilihan raya.	Semasa mengundi dalam pilihan raya, etnik calon menjadi faktor keutamaan saya. Jawapan : Skala Likert Apakah faktor-faktor yang terlibat?	Tinjauan Temubual	Soal selidik Kumpulan fokus 8 orang	Statistik deskriptif Strategi kod (Bogden & Biklen, 1992)
---	---	---	--------------------------	--	--

Gambar rajah 1.2 Matrix penyelidikan

1.5 Faedah Penyelidikan

1. Hasil kajian ini diharap akan dapat mengenal pasti faktor-faktor masih ramai masyarakat terutama golongan belia dan golongan berpendapatan rendah tidak mengundi dalam pilihan raya umum negara supaya langkah-langkah yang lebih berkesan dapat diambil bagi menangani masalah ini.
2. Hasil kajian juga diharap akan dapat menyumbang kepada hasil karya sedia ada mengenai model identifikasi parti masyarakat majmuk di Malaysia serta menentukan sama ada keluarga dan perkauman mempengaruhi keputusan mengundi mereka.
3. Hasil kajian diharap akan membantu parti-parti politik untuk mengatur strategi untuk memperkukuhkan kedudukan parti terutama dalam mendapatkan sokongan masyarakat terhadap mereka.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada tempoh masa 4 tahun seperti yang telah diperuntukkan oleh pihak universiti, termasuk tempoh lanjutan selama setahun.

Kajian ini juga terbatas kepada kawasan Parlimen Bayan Baru, Pulau Pinang yang merangkumi tiga kawasan dewan undangan negeri iaitu DUN Batu Uban, DUN Pantai Jerejak dan DUN Batu Maung. Sampel dan data kajian ini diperolehi daripada soal-selidik dan temubual yang dilakukan di kawasan Bayan Baru. Selain itu, sorotan karya lalu mengenai pilihan raya negara juga digunakan sebagai data tambahan. Oleh kerana tidak banyak penulisan khusus mengenai Bayan Baru yang dapat diperolehi, maka sorotan karya yang digunakan merangkumi pilihan raya di seluruh negara.

1.7 Organisasi Bab

Bab satu menjelaskan tentang dua konsep utama kajian ini iaitu pilihan raya dan identifikasi parti masyarakat. Bab ini juga membentangkan lima objektif kajian. Objektif kajian yang pertama ialah untuk mengkaji faktor-faktor sebilangan rakyat terutama golongan belia tidak mengundi dalam pilihan raya negara. Objektif kajian yang kedua pula ialah untuk menganalisis sama ada pendapatan mempengaruhi keputusan mengundi pengundi di Parlimen Bayan Baru. Objektif kajian yang ketiga ialah untuk mengkaji sama ada masyarakat Pulau Pinang sebenarnya mempunyai identifikasi dengan mana-mana parti dari komponen Barisan Nasional (BN) atau Pakatan Rakyat (PR) dan mengkaji

faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan mereka. Objektif kajian yang keempat ialah untuk mengkaji sama ada keluarga masih mempengaruhi identifikasi parti masyarakat serta keputusan mengundi mereka, walaupun wujud pembangunan teknologi maklumat yang pesat dan penggunaan media sosial yang meluas, terutama di kalangan belia di Pulau Pinang khususnya di Bayan Baru. Objektif kajian yang kelima pula ialah untuk mengkaji sama ada perkauman menjadi faktor utama bagi masyarakat membuat pemilihan semasa pilihan raya.

Bab kedua mengandungi sorotan karya yang mempunyai kaitan dengan persoalan kajian. Bahagian pertama bab ini meninjau karya-karya yang memperkatakan tentang teori-teori dan kajian-kajian pilihan raya, khususnya berkenaan penyertaan politik, perjanjian masyarakat atau kontrak sosial, penyertaan politik golongan belia, perhubungan pelajaran sivik dan penyertaan politik serta faktor genetik dalam pilihan raya dan penyertaan politik. Hasil kajian berkaitan pengaruh internet dan media juga turut ditinjau. Bahagian kedua bab ini meninjau karya-karya berkenaan teori dan kajian tentang identifikasi parti serta faktor-faktor yang mempengaruhi identifikasi parti. Turut ditinjau ialah karya-karya berkenaan perkauman, masyarakat majmuk, politik wang serta kesan kempen ke atas identifikasi parti masyarakat.

Bab ketiga membincangkan tentang metodologi penyelidikan yang digunakan. Bab ini menerangkan tentang responden, cara-cara pengutipan dan analisis data kuantitatif dan data kualitatif serta sumber ketiga iaitu artikel terbitan tentang pilihan raya Malaysia yang lalu (tahun 1964 – 2013)

Bab keempat membentangkan penemuan-penemuan hasil kajian mengenai persoalan-persoalan kajian iaitu pilihan raya dan identifikasi parti masyarakat Bayan Baru, Pulau Pinang.

Bab terakhir merupakan perbincangan serta memberikan kesimpulan dan rumusan menyeluruh ke atas penemuan-penemuan hasil kajian berkenaan persoalan-persoalan kajian iaitu pilihan raya dan identifikasi parti.